

NOTA PERCAKAPAN
YBHG. DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG
KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
SEMPENA PERHIMPUNAN BIL. 1 TAHUN 2020
PADA 21 JANUARI 2020
DI DEWAN ALWY
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Bismilahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis

Terima kasih juga kepada Encik yang telah memimpin bacaan doa sebentar tadi. Semoga majlis kita pagi ini mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah subhanahu wa'taala. In Sya Allah.

Yang Berbahagia Dato' Haji Zahari bin Ibrahim

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan)

Yang Berbahagia Dato' Lim Kee Leng

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal)

Pengarah-Pengarah Kanan Bahagian, Pengarah-Pengarah Bahagian, Ketua-Ketua Unit, Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri;

Dan seterusnya semua Pegawai dan warga Ibu Pejabat JPMS yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan limpah perkenan dan izinNya, kita semua dapat berkumpul bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bil. 1 Tahun 2020. Tidak terlambat rasanya untuk saya mengucapkan **Selamat Tahun Baru 2020**. Semoga kedatangan tahun 2020 bakal menyuntik semangat baru yang lebih tinggi kepada semua warga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) dalam usaha untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Yang Berbahagia Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Tahun 2019 telah pun melabuhkan tirainya, meninggalkan kita dengan melakarkan pelbagai peristiwa dan sejarah. Saya percaya setiap warga perhutanan telah berusaha melaksanakan tanggungjawab dengan sehabis baik. Mengharungi cabaran sepanjang tahun 2019 yang lalu diharap akan dapat menjadi pemangkin untuk kita terus berusaha dengan lebih gigih lagi pada tahun 2020 ini.

PENCAPAIAN TAHUN 2019

Alhamdulillah, pada tahun 2019, kita telah berjaya mencipta pelbagai kejayaan yang boleh dijadikan sebagai penanda aras (*benchmark*) ke arah pencapaian yang lebih cemerlang pada tahun 2020 ini. Mengimbas perjalanan JPSM sepanjang tahun 2019 selepas saya mengambil alih kepimpinan JPSM pada suku ke-empat tahun 2019, saya yakin kejayaan dan pencapaian yang kita perolehi adalah hasil daripada semangat kerjasama, komitmen yang tinggi dan usaha gigih yang berterusan oleh setiap lapisan warga kerja JPSM samada di peringkat Ibu Pejabat Perhutanan mahupun Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia. Pelbagai kejayaan dan pencapaian yang telah diterima oleh Jabatan antaranya adalah:

i. Penanaman 5 Juta Pokok

Pada tahun 2019, sejumlah 5,487,857 pokok telah berjaya di tanam oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri melalui program dan aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun. Ianya merangkumi kawasan seluas 25,913.07 hektar. Penanaman pokok ini juga merupakan salah satu aktiviti yang disenaraikan dalam Ministerial Performance Indicator, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli.

ii. Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot Di Semenanjung Malaysia.

Melalui program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot Di Semenanjung Malaysia seluas 135.93 hektar kawasan hutan terosot telah dilaksanakan aktiviti penanaman semula pada tahun 2019. Pencapaian ini sedikit tersasar dari jumlah 150 hektar yang disasarkan Jabatan dan sedikit menjejaskan dalam Ministerial Performance Indicator, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli. Program ini akan diperkembangkan pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang selaras dengan agenda kementerian pada tahun 2020 untuk melaksanakan program penghutanan semula dan penanaman 100 juta pokok bagi tempoh tahun 2020-2025 ini.

iii. Pensijilan Pengurusan Hutan

Pada tahun 2019 ini juga melihatkan pengekalan pensijilan pengurusan hutan bagi 6 FMU di Semenanjung Malaysia. Pihak Jabatan akan terus memastikan pensijilan pengurusan ini sentiasa dipatuhi dan dikekalkan.

iv. Tanaman Pesisiran Pantai

Program Menanam Pokok Bakau dan Spesies Yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara telah dimulakan sejak 2005 akan terus diberikan perhatian. Sokongan berterusan pihak kementerian, agensi teknikal, pasukan penyelidik dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) banyak membantu Jabatan melaksanakan program tanaman

pokok di persisiran pantai. Pada tahun 2019 seluas 52.35 hektar kawasan pesisiran pantai di Semenanjung Malaysia telah dilaksanakan aktiviti penanaman.

v. Operasi Bersepadu Penguatkuasaan

Pada tahun 2019, sebanyak 41 operasi bersepadu penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri. Operasi ini merangkumi aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan bersama pelbagai agensi berkaitan. Tindakan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan dan diperkukuhkan. Pengesanan kesalahan hutan menggunakan teknologi perlu dijadikan budaya Jabatan agar kesalahan hutan ataupun pembalakan haram dapat dikurangkan atau dibanteras sepenuhnya.

vi. Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert-SME)

Tahun 2019 juga melihatkan kejayaan JPSM dalam memperolehi kelulusan bagi melahirkan pakar-pakar bidang khusus. Lembaga kenaikan pangkat perkhidmatan awam bilangan 10 tahun 2019 yang telah bersidang pada 28 Ogos 2019 telah meluluskan tiga (3) bidang dengan 6 sub bidang SME di JPSM yang merangkumi bidang kepakaran inventori hutan, pengusahasilan hutan dan penilaian ekonomi sumber hutan. Kelulusan ini dilihat sebagai satu peluang

besar kepada jabatan dalam melahirkan pakar-pakar yang mampu membantu jabatan sama ada di peringkat nasional atau pun antarabangsa.

vii. PAMERAN KHAZANAH HUTAN

Pada tahun 2019 juga, telah dilaksanakan satu pameran yang memaparkan keindahan hutan di Malaysia ini. Pameran ini telah diadakan selama sebulan pada 23 Ogos 2019 hingga 22 September 2019 di Menara Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Seiring dengan pameran tersebut juga telah dilancarkan pokok Merbau sebagai pokok kebangsaan. YB Menteri KATS telah mengarahkan supaya Pameran Hutan Kita ini akan menjadi program dwi-tahunan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan JPSM akan diberi tanggungjawab sebaga agensi pelaksana.

Di atas pencapaian ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua lapisan warga kerja JPSM sama ada di Peringkat Ibu Pejabat dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri di atas segala usaha dan pencapaian sepanjang Tahun 2019 ini. Pasti nya pencapaian-pencapaian yang amat memberangsangkan seumpama ini telah membuktikan kepada kita semua bahawa kita mampu untuk menghasilkan sesuatu yang membanggakan jika kita tetap teguh serta bersungguh-sungguh "bekerja dalam satu pasukan (*teamwork*). Pencapaian seumpama ini akan tetap diteruskan secara lebih menyeluruh lagi di semua

lapisan warga kerja JPSM di peringkat Ibu Pejabat Perhutanan dan di Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia dalam Tahun 2020 ini. InsyaAllah.

Yang Berbahagia Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

PENCAPAIAN PROJEK PEMBANGUNAN JPSM

Prestasi perbelanjaan JPSM sehingga **31 Disember 2019 adalah sebanyak RM25,603,936.76 atau 96.41%** daripada peruntukan yang diluluskan (RM58 juta). Walau bagaimanapun pencapaian prestasi tersebut setelah mengambil kira 2 kali pemulangan peruntukan sebanyak **RM31,441,578.00 atau 54.2%**. Peratusan prestasi perbelanjaan JPSM ini adalah di bawah **purata nasional sebanyak 97.05%**. Berdasarkan Laporan Prestasi Perbelanjaan Projek Pembangunan RP4 RMKe-11 oleh Jabatan Audit Negara **sehingga 31 Disember 2019 JPSM berada di kedudukan ke-15 berbanding 19 Jabatan/agensi di bawah KATS**. Walaupun pada tahun 2019, kita menghadapi kekangan mengenai beberapa isu berkaitan perolehan dan penurunan kuasa tetapi ianya tidak boleh dijadikan alasan sepenuhnya ke atas prestasi perbelanjaan yang kurang memberangsangkan ini. Saya berharap agar semua Pegawai Projek dapat mengambil *lesson learnt* daripada prestasi perbelanjaan tahun 2019 ini supaya isu-isu dan kelemahan yang dihadapi pada tahun 2019 tidak lagi berulang pada tahun ini.

Kelulusan Projek Pembangunan RP4 Tahun 2020

Sebagaimana semua sedia maklum bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia telah membentangkan Bajet 2020 pada 11 Oktober 2019 di Parlimen Malaysia. Berdasarkan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020 yang dikeluarkan Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) telah diluluskan peruntukan sebanyak **RM3,500,450,000.00** bagi Belanja Pembangunan (DE). Daripada jumlah tersebut, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah diluluskan peruntukan sebanyak **RM49,790,000.00** yang **melibatkan 17 projek sedia ada dan 1 projek baharu**. Sehubungan itu, bagi memastikan bahawa peruntukan pembangunan ini dapat dibelanjakan sepenuhnya, perancangan dan strategi yang teliti perlu dirangka bagi melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan pada tahun 2020. Dalam hubungan ini juga, Pegawai Projek yang dipertanggungjawabkan bagi merancang, melaksana dan memantau projek telah menandatangani surat Aku Janji Pematuhan Pelaksanaan Projek Pembangunan RP4 Tahun 2020 pada 12 Januari 2020 sebagai tanda sokongan dan komitmen untuk memastikan bahawa pelaksanaan projek mematuhi milestones dan unjuran perbelanjaan.

Yang Berbahagia Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

AGENDA KATS 2020

Berpaksikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) telah menyusun atur dasar, strategi dan tindakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun secara mampan melalui penekanan kepada pengukuhan pengurusan air, tanah dan sumber asli secara lestari. Inisiatif untuk tahun 2020 akan dilaksanakan secara terangkum dan memberi impak yang boleh dirasakan oleh semua lapisan masyarakat.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian biologi yang tinggi, usaha-usaha pemantapan pengurusan sumber asli adalah kritikal sebagai satu bentuk mitigasi kepada perubahan iklim dan bencana alam. Tumpuan kepada aspek-aspek pembangunan mekanisme penjana kewangan inovatif berterusan (*innovative sustainable financing*) bagi pengurangan pelepasan gas rumah kaca daripada aktiviti perhutanan akan diberikan perhatian pada tahun 2020. Pada masa yang sama, pihak KATS akan mengambil langkah lebih agresif bagi mengkaji dasar-dasar sedia ada supaya kekal relevan di samping menggubal dasar-dasar baharu.

Antara dasar, strategi dan tindakan yang akan dilaksanakan oleh KATS yang saling berkaitan dengan JPSM adalah seperti berikut:

- i. Inisiatif nasional seperti ***Central Forest Spine (CFS)*** akan **diteruskan** pada tahun 2020 di samping mempertingkatkan aktiviti-aktiviti memulihara hutan terosot yang lain.
- ii. Kementerian juga akan memberi **tumpuan kepada program penghutan semula (*reforestation*)** dan **satu kempen besar-besaran penanaman 100 juta pokok bagi tempoh 2020 hingga 2025 akan dilancarkan sempena Hari Hutan Antarabangsa 2020**. Secara keseluruhannya, inisiatif berkaitan pemuliharaan hutan telah diperuntukkan sebanyak RM48 juta pada tahun 2020.
- iii. **Penubuhan secara formal Pusat Biodiversiti Malaysia (*Malaysia Biodiversity Centre - MBC*)** yang berperanan sebagai pusat penyelidikan dan pemuliharaan biodiversiti serta bertindak sebagai Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan bagi menguatkuasakan Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017.
- iv. **Pindaan kepada Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993)** melibatkan syarat penggantian serentak Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang diwartakan keluar yang setara luas dan nilainya serta meningkatkan kadar denda dan penalti bagi jenayah kesalahan hutan.

- v. **KATS juga akan memperkenalkan beberapa dasar baharu pada tahun 2020 seperti Dasar Perhutanan Malaysia, *Blueprint* Pembangunan Mampan Industri Mineral, Dasar Pengurusan Tanah Persekutuan dan Dasar Geospacial Negara.** Dasar Perhutanan Malaysia adalah suatu dasar yang signifikan di mana dasar perhutanan peringkat nasional adalah satu pernyataan dasar secara makro dan umum tetapi dasar-dasar dan perundangan sedia ada untuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan kekal diguna pakai dan berkuat kuasa. Ini bagi membolehkan dasar umum ini digunakan oleh Malaysia di peringkat antarabangsa.

- vi. **Penglibatan KATS secara lebih aktif di peringkat global** dalam meningkatkan agenda konservasi biodiversiti. Antaranya ialah *The 15th Meeting of the Conference of the Parties to the Convention on Biological Diversity (COP15)* yang akan diadakan di Kunming, Republik Rakyat China untuk membincangkan hala tuju Post-2020 *Global Biodiversity Framework* bagi tempoh 2021 hingga 2030 dan *The 15th Session of the United Nations Forum on Forest (UNFF15)*.

- vii. Di peringkat domestik, **Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada beberapa acara utama** antaranya Persidangan Biodiversiti ASEAN 2020 (ACB2020) pada 16-18 Mac 2020 dan disusuli dengan *High Level Meeting (HLM)* di antara Menteri-Menteri

ASEAN dan juga Negara-Negara Megadiverse pada 19-20 Mac 2020. Malaysia juga akan menjadi tuan rumah bagi pengajuran *4th Asia Tiger Ministerial Conference on Tiger Conservation (AMC 2020)* pada 29 Jun 2020.

- viii. KATS juga akan memberikan tumpuan dan penekanan kepada *communication, education, promotion dan public awareness (CEPA)* akan dilaksanakan secara lebih tersusun dan agresif dan setiap pemegang taruh akan dijejaki dan didekati.

Yang Berbahagia Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

AGENDA JPSM TAHUN 2020

Tahun 2020 merupakan tahun akhir bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Tahun ini seharusnya menjadi tahun penyampaian bagi semua perancangan yang telah dirancang di bawah RMKe-11 ini. Komitmen yang lebih jitu dan tinggi amat diperlukan daripada semua warga JPSM untuk bersama-sama dalam mengorak langkah bagi mentransformasi JPSM dengan pelaksanaan pelbagai program/aktiviti ke arah merealisasikan Wawasan JPSM untuk "Menjadi Agensi Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan".

Meraikan tahun baharu 2020 ini perlu memberi satu permulaan bagi kita dalam membuat resolusi **era pemerksaan modal insan** JPSM.

Penguasaan ilmu perhutanan dan modal insan akan diperkukuhkan dikalangan semua peringkat pegawai dan kakitangan bagi memastikan bidang perhutanan terus kekal relevan dan menjadi kritikal kepada negara. Penguasaan ilmu perhutanan perlu diberikan perhatian dalam melahirkan lebih ramai pakar-pakar yang diiktiraf dan menjadi rujukan serta aset kepada negara.

Justeru itu, lapan (8) bidang dan kemahiran utama telah digariskan dan perlu dikuasai setiap pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di JPSPM seperti berikut:

- i. Kemahiran pentadbiran, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan *outcome* projek pembangunan.
- ii. Pemantapan ilmu pengecaman dendrologi dan pengecaman kayu;
- iii. Penguasaan ilmu pengurusan, silvikultur dan perlindungan hutan;
- iv. Penciptaan inovasi pengurusan dan mengenal pasti potensi produk hasil bukan kayu;
- v. Penguasaan teknologi *remote sensing* dan maklumat hutan;
- vi. Pemantapan integriti perhutanan;
- vii. Kemahiran Pengurusan Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri; dan
- viii. Pengetahuan mengenai isu perhutanan dan hal ehwal antarabangsa.

Segala bidang dan kemahiran ini merupakan nadi kepada sektor perhutanan yang mampu memacu jabatan dalam menjadi agensi terunggul bagi

menguruskan sumber hutan negara. Sudah tiba masanya untuk kita kehadapan dengan pelbagai bidang kepakaran dan menjadi rujukan dalam sektor perhutanan ini. Setiap pegawai akan disediakan Pelan Kerjaya yang bersesuaian dengan Model yang akan dibangunkan oleh Jabatan kelak. Saya mahu kepakaran dan pengalaman di Ibu Pejabat dan Jabatan Perhutanan Negeri dapat diseimbangkan kepada semua pegawai dari hari pertama bertugas sehingga mereka dibersarakan secara paksa sebagai penjawat awam. Kita tidak boleh lagi ketinggalan dengan agensi setara yang telah mengorak langkah jauh ke hadapan kehadapan dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia perlu sama-sama bekerja dengan kepimpinan JPSM merealisasikan Wawasan JPSM untuk "Menjadi Agensi Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan".

Yang Berbahagia Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

MINISTERIAL PERFORMANCE INDICATOR

Ministerial Performance Indicator 2019 bagi Yang Berhormat Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) mempunyai 3 teras utama merangkumi 9 program, 28 aktiviti dan 12 projek Jabatan dan Agensi di bawah seliaan KATS. Pencapaian keseluruhan MPI KATS pada tahun 2019 ialah sebanyak 90.65%. YB Menteri KATS telah menyenaraikan dua aktiviti Jabatan sebagai MPI Menteri iaitu **Program Penghijauan Menerusi Tanaman Pokok Hutan Di Semenanjung Malaysia** (Pemulihan kawasan lapang dan hutan miskin) dimana pencapaian pada tahun 2019 mencatatkan sebanyak 5,487,867 pokok dan pada tahun 2020, YB Menteri telah meletakkan sasaran sebanyak

6 juta tanaman pokok. MPI Menteri seterusnya ialah **Program Restorasi Dan Pemulihan Kawasan Terosot Di Semenanjung Malaysia** (Kawasan bekas teroka haram dan kawasan bencana alam) telah mencatatkan pencapaian keluasan tanaman seluas 135.93 hektar pada tahun 2019 dan pada tahun 2020 seluas 300 hektar telah diletakkan sebagai sasaran yang perlu dilaksanakan JPSM.

KPI KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa pelaksanaan penilaian berdasarkan KPI telah dipanjangkan kepada PPTPA Tier 2 (Fasa 2) iaitu Ketua Jabatan bermula pada tahun 2018 ke atas jawatan-jawatan yang telah dikenalpasti sebagaimana surat edaran JPA bil JPA.BK.(S) 226/7/69-2 (23) bertarikh 30 Januari 2018. Walaubagaimapun untuk Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) telah dimulakan pada tahun 2019. Ada 3 kelompok dan 3 dimensi pengukuran KPI PPTA Tier 2 ini iaitu pengukuran Daya saing agensi; Kecekapan dan keberkesanan penyampaian; dan Tadbir Urus dan Akuantibiliti. Pengukuran ini akan menggantikan urusan penilaian prestasi bagi Ketua Pengarah dan akan dipanjang kepada PPTPA Tier 3 iaitu Timbalan Ketua Pengarah dan penjawat jawatan Jusa C akan hanya dilaksanakan pada tahun 2020.

KPI Ketua Pengarah yang sasaran pada tahun 2020 termsuklah;

- i. Program Penghijauan Menerusi Tanaman Pokok Hutan Di Semenanjung Malaysia dengan tanaman sebanyak 6 juta pokok; dan
- ii. Program Restorasi Dan Pemulihan Kawasan Terosot Di Semenanjung Malaysia dengan keluasan tanaman 300 hektar; dan

- iii. Pindaan Akta Perhutanan Negara 1984; dan
- iv. Pelaksanaan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara seluas 50 hektar.

Yang Berbahagia Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

PENUTUP

Pada tahun 2020 ini, kita perlu bersifat dinamik serta terus menyusun dan memperkemaskan strategi-strategi tindakan susulan masa depan yang lebih mantap bagi menghadapi pelbagai cabaran dan perubahan lanskap keperluan masyarakat setempat dan antarabangsa terhadap peranan dan sumbang sektor perhutanan kepada kesejateraan kehidupan. Justeru itu, saya berharap agar semua pihak dapat memberi sepenuh tumpuan terhadap pembangunan dan kemajuan sektor perhutanan ini. Yang lebih utama adalah kejayaan terhadap kerja kita yang bukan sahaja memenuhi masa kerja tetapi dengan kerja-kerja yang akan menyumbang kepada pembangunan negara. Kita juga perlu fokus kepada kepentingan pencapaian dalam merealisasikan Wawasan JPSM tanpa melibatkan kepentingan peribadi. Segala usaha dan perancangan yang telah ditetapkan seterusnya perlu dipacu ke arah merealisasikan agenda jabatan pada tahun 2020 ini. Proses membudayakan kreativiti dan inovasi juga perlu diterapkan dalam agenda 2020 ini selaras dengan saranan kerajaan bagi membina masyarakat digital di mana ia bukan sahaja memfokus kepada penghasilan kerja semata-mata tetapi ia perlu disejajarkan dengan kemudahan dan keperluan teknologi terkini.

Pembangunan minda yang kreatif dan minat yang tinggi terhadap inovasi perlu disemarakkan bagi meneroka kaedah baru yang terbaik dalam sektor perhutanan untuk memenuhi kehendak pelanggan. Sebagai penjawat awam, kita haruslah sentiasa berusaha untuk melakukan penambahbaikan dalam menjalankan tugas seharian. Ini kerana cara kita tadbir dahulu adalah berlainan dengan sekarang. Dari segi sistem, setiap prosedur perlu dipendekkan tempoh agar hasil kerja dapat diperolehi dengan cepat. Bukan sahaja cepat, tetapi juga tepat dan menepati tujuan. Namun semua ini bergantung kepada faktor manusia. Oleh kerana itu, budaya kerja cemerlang perlu dipupuk di dalam sesebuah organisasi dan diri masing-masing. Budaya kerja cemerlang ini bukan satu konsep baru tetapi ia merupakan suatu konsep dan pendekatan pengurusan pentadbiran yang telah diamalkan di Malaysia sejak 1989. Konsep ini juga menekankan penghasilan pekerja yang mempunyai tahap kebertanggungjawaban atau kebolehpercayaan yang tinggi. Secara umumnya, budaya kerja cemerlang atau *excellent work culture* ialah serangkap perkataan yang telah dijadikan dasar dalam perkhidmatan awam, bukan sahaja di negara ini, tetapi di seluruh dunia.

Jika kita bercakap mengenai budaya kerja cemerlang ini, terlalu banyak panduan atau ciri-ciri yang dinyatakan. Di sini saya simpulkan beberapa ciri-ciri yang perlu dipupuk dan ditanam dalam setiap jiwa warga JPSM. Sikap profesionalisme, bekerja dalam pasukan, peka dan sentiasa meningkatkan prestasi kerja dalam mengariskan kecemerlangan,berhemah dan berwibawa serta pembelajaran yang berterusan. Bagi pembelajaran berterusan, kita perlu bersedia belajar daripada pengalaman diri dan orang lain ke arah

penambahbaikan , sentiasa mencari ruang untuk memaju dan meningkatkan kemahiran diri, sentiasa menggalakkan semua anggota supaya berusaha memajukan diri dan tidak segan untuk bertanya. Bagi seorang ketua, kita juga perlu mengenali kepelbagaian personaliti kakitangan untuk mencari kekuatan yang boleh disumbangkan kepada organisasi serta mengurus mereka ke arah kecemerlangan. Ini kerana setiap pekerja mempunyai keunikan personaliti dan kebolehan yang berbeza antara satu sama lain. Sepertimana menurut Josef Eby Ruin, *"A key to motivating employees is for a manager to understand well the employees' various personalities. He ought to understand that each of them is unique and must be managed as if he was the only person working for him"*. Oleh itu menjadi peranan seorang ketua untuk menjadi pemandu arah atau *role model* kepada kakitangan di bawah pentadbirannya. Bimbingan dan didikan yang betul akan melahirkan seorang warga kerja yang cemerlang. Kembimbangan saya apabila seorang pegawai dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi tidak diberi bimbingan yang betul oleh ketua sebelumnya yang tidak menjiwai semangat pengurusan perhutanan yang betul, maka ianya akan membuka ruang kepada individu kepada masalah integriti dalam organisasi. Selain itu, rasa kecintaan kepada organisasi juga seharusnya dipupuk dan perlu terus ditanam kerana ianya adalah kunci kepada kesetiaan, ketaatan dan disiplin yang cemerlang.

Yang Berbahagia Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Di kesempatan ini, izinkan saya juga merakamkan jutaan terima kasih, serta setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua lapisan warga kerja JPSM

di atas komitmen tinggi dan konsisten memberi perkhidmatan cemerlang sepanjang tahun 2019. Saya yakin dan percaya, dengan sifat toleransi, bersatu-padu, hormat-menghormati dan bekerjasama di setiap lapisan warga perhutanan, segala perancangan dan usaha dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan dengan melipat gandakan lagi usaha untuk bekerja dengan lebih gigih demi kegemilangan Jabatan yang kita cintai ini.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya mengambil kesempatan di sini untuk sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Warga kerja JPSM, sama ada di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri yang sudi hadir bersama pada majlis perhimpunan bulanan JPSM dan Memperbaharui Ikrar Perkhidmatan Awam JPSM pada kali ini. Terima kasih juga kepada Bahagian Latihan Perhutanan selaku tuan rumah majlis pada kali ini. Bersempena pada tahun baru 2020 ini, saya berharap segala azam dan perancangan yang akan kita rancang dapat dilaksana dengan jayanya di samping meraih lebih banyak lagi pencapaian yang membanggakan. Semoga kita semua akan berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi dalam tahun 2020 ini.

Sekian terima kasih.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dato' Mohd Ridza bin Awang

Ketua Pengarah Perhutanan

Semenanjung Malaysia

21 Januari 2020